

Konsep Perbuatan Allah (*Af'al Allah*) Dalam Pemikiran Islam, pengaruh dan kesannya kepada pemikiran umat Islam di Malaysia.

Oleh:

Wan Zailan Kamaruddin b. Wan Ali, Ph.D¹

This article as the title shown and indicated is to discuss the questions as follows: Firstly: What is the concept of *af'al Allah* according to the Holy Qur'an and the Holy Sunnah? Secondly: Is there any difference between *af'al Allah* and *af'al al-'ibad* in Islam? Thirdly: Is there any relationship between the above-mentioned concept with the concept of *al-Qada' wa al-Qadr* in Islam? Fourthly: Is there any relationship between the said concept with the doctrine of *al-Jabr wa al-Tafwid*? Fifthly: How do the muslim thinkers see the problem and what are the outcome from their way of thinking and its influence to the muslims in general?

1. Introduksi:

Konsep *Af'al Allah* boleh dibahagikan kepada dua bentuk perbincangan:

Pertama: *Af'al Allah* atau *sifat af'al Allah* merujuk kepada perbuatan Allah (s.w.t) secara khusus dan bersendirian tanpa mengaitkan dengan persoalan-persoalan yang lain yang berhubung dengan makhluk-makhluk Allah.

Kedua: *Af'al Allah* yang merujuk kepada perbuatan Allah (s.w.t) tetapi yang mempunyai hubungan dengan makhluk-makhluk-Nya.

Namun demikian, dalam artikel ini, penumpuan dan perhatian hanya difokuskan kepada persoalan *af'al Allah* (perbuatan Allah) yang berhubung dengan makhluk-makhluk-Nya. Ia bertujuan untuk melihat konsep perbuatan Allah secara menyeluruh, ciri-ciri, tujuan dan nilai serta persamaan dan perbezaan pandangan tokoh dan madhhab dengan al-Qur'an secara khusus. Perbuatan Allah juga akan dilihat dari segi hubungannya dengan konsep keadilan Allah itu sendiri. Ini kerana perbahasan di kalangan pemikir dan ulama Islam biasanya memperlihatkan hubungan yang rapat di antara kedua-duanya.

Justeru artikel ini bertujuan untuk membicarakan persoalan yang agak berat dan mungkin mencetuskan polemik pemikiran di kalangan umat Islam kerana ia mempunyai hubungan dengan pemikiran tokoh dan aliran pemikiran (*madhhab*) dalam Islam dan ia pada masa yang sama mempunyai impak dan implikasi kepada pemikiran umat Islam masakini khususnya di Malaysia.

2. Konsep *Af'al Allah* dalam al-Qur'an:

Dalam al-Qur'an, Allah (s.w.t) diperlihatkan sebagai Tuhan atau lebih tepatnya, Allah Yang Maha Sempurna. Bukti kemahasempurnaan Allah (s.w.t) tidak perlu dicari dalam sumber-sumber yang lain, kerana al-Qur'an sendiri sebagai *Kalam Allah* telah memperjelaskan diri Allah (s.w.t) sendiri sebagai yang dikehendaki-Nya. Nabi Muhammad (s.'a.w) sebagai nabi dan rasul daripada-Nya turut memperkenalkan Allah (s.w.t)

¹ Profesor Madya dan pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t) sendiri tanpa sebarang perubahan dan pindaan.

Al-Qur'an sebagai sumber autoriti Islam yang tertinggi mengemukakan keterangan tentang Allah (s.w.t) dalam beberapa ayat berikut yang bermaksud:

Pertama: “ Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui (*'alim*) lagi Maha Bijaksana (*hakim*).”²

Kedua: “ Sesungguhnya janji Engkau itulah yang benar. Dan Engkau adalah Hakim yang seadil-adilnya (*ahkam al-hakimin*).”³

Ketiga: “ Sesungguhnya Tuhanku Maha Lembut (*latif*) terhadap apa yang yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mengetahui (*'alim*) lagi Maha Bijaksana (*hakim*).”⁴

Al-Qur'an menunjukkan bahawa setiap perbuatan Allah dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dan keadilan. Tiada sesuatu yang dilakukan-Nya dapat memberikan gambaran bahawa kejahatan dan kezaliman terkandung di dalamnya, kerana ia pasti akan mengundang pelbagai implikasi yang tidak dikehendaki oleh Allah sendiri sebagai Tuhan Yang Maha Bijaksana dan memperlihatkan kelemahan dan ketidaksempurnaan-Nya.

Selain itu, salah satu bukti kemahasempurnaan-Nya yang lain dapat dilihat daripada keterangan Allah (s.w.t) sendiri yang menamakan diri-Nya sendiri dalam *al-Asma' al-Husna* sebagai *al-'Adl* dan *al-Muqsit* merujuk kepada sifatnya yang Maha Adil dan Maha Saksama. Dengan kata-kata lain, Allah disebutkan sebagai Tuhan Yang Maha Adil. Oleh kerana Allah sendiri menamakan Diri-Nya sebagai Tuhan Yang Maha Adil dalam segala perbuatan-Nya, ia tidak memerlukan sesuatu yang lain untuk mengesahkan keadilan-Nya.

Secara ringkasnya, Allah dikatakan Maha Adil dan dalam setiap perbuatan-Nya, keadilan diimplementasikan kepada semua makhluk. Ini dibuktikan menerusi keterangan al-Qur'an yang menunjukkan bahawa Dia Maha Mengetahui (*'Alim*) dan Maha Bijaksana (*Hakim*). Dengan sifat-sifat tersebut, Allah Yang Maha Adil melakukan segala sesuatu sama ada secara umum (*kulliyyah*) mahupun secara khusus (*juz'iyah*) dengan hikmah, maslahat dan rahmat, dan tanpa wujud sebarang unsur sia-sia (*'abath*) atau main-main (*la'ibin*).

Kenyataan tersebut dapat diperhatikan daripada beberapa buah ayat al-Qur'an berikut yang bermaksud:⁵

Pertama: “ Sesungguhnya tidak Kami (Allah) menciptakan langit dan bumi dan apa di antara kedua-dua secara main-main (*la'ibin*).”⁶

2 Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 32.

3 Al-Qur'an, surah Hud (11): 45.

4 Al-Qur'an, surah Yusuf (12): 100. (Dalam al-Qur'an, kombinasi perkataan *al-hakim* begitu banyak digunakan. Biasanya ia dikombinasikan dengan perkataan *al-'alim al-hakim* atau *'alim hakim*, *al-'aziz al-hakim* dan *'aziz hakim*. Lihat: 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad, *al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfaz al-Qur'an al-Karim*, al-Maktabah al-Islamiyyah, Istanbul, Turkiya, 1402/1982, h.214-215.)

5 Dastaghib, 'Abd al-Husayn, *al-Tawhid wa al-'Adl*, (Terj: Al-Sayyid Ahmad al-Qabanji), al-Dar al-Islamiyyah, Beirut, Cet.I, 1408/1987, (Bhg.II), h.37; Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyf al-Murad Fi Syarh Tajrid al-I'tiqad*, (Tahqiq: al-Zanjani), Mu'assasah al-A'lami li-al-Matbu'at, Beirut, Lubnan, Cet.I, 1399/1979, h.326.

6 Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 16.

Kedua: “ Maka apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main (saja) (*‘abathan*), dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?”⁷

Ketiga: “ Dan Kami (Allah) tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara kedua-duanya dengan bermain-main (*la ‘ibin*).”⁸

3. Konsep *Af‘al Allah* Dari Perspektif Tokoh dan Mazhab Dalam Islam:

Dalam konteks perbincangan mengenai *af‘al Allah*, beberapa orang tokoh dan aliran pemikiran (*madhhab*) dikemukakan di sini untuk melihat persoalan tersebut secara perbandingan.

Di kalangan tokoh al-Mu‘tazilah, Wasil dikatakan berpendapat bahawa Allah selaku *al-Khaliq* Maha Bijaksana dan Maha Adil tidak boleh dikaitkan dengan sesuatu keburukan atau kesalahan kepada-Nya.⁹ Oleh itu, al-Mu‘tazilah umumnya mengatakan Allah tidak melakukan keburukan dan bahkan tidak pula menghendaknya berdasarkan hujah al-Qur’an yang bermaksud:

“ Allah tidak meredhai (*la yarda*) kekafiran bagi hamba-Nya.”¹⁰

Menurut tafsiran mereka, ia bermaksud tidak menghendaki (*la yurid*).¹¹ Selanjutnya dikatakan setiap perbuatan Allah mempunyai kebaikan (*maslahah*) dan matlamat,¹² dan dalam konteks ini, manusia diciptakan bermatlamat untuk menyembah-Nya. Pada hakikatnya, Allah telah menetapkan suatu hukum dan ketetapan ke atas diri-Nya sendiri.

Pendapat al-Mu‘tazilah boleh dihubungkan kepada pendirian mereka tentang konsep kekuasaan Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Adil. Tuhan menurut pandangan mereka tidak melakukan keburukan, bahkan tidak berkuasa (*la yaqdir*) berbuat zalim (*zulm*) kerana perbuatan demikian timbul hanya daripada orang yang bersifat tidak sempurna, sedangkan Tuhan bersifat Maha Sempurna.¹³

Semua perbuatan Tuhan bersifat baik. Tuhan tidak berbuat buruk dan tidak melupakan apa yang wajib dilakukan-Nya.¹⁴ Dengan demikian, Tuhan tidak berdusta, tidak bersikap zalim, tidak menyiksa anak-anak orang musyrik disebabkan dosa orang tua mereka, tidak menurunkan mukjizat bagi pendusta, dan tidak memberikan beban yang tidak dapat dipikul manusia. Kenyataan tersebut ditambah dengan pernyataan bahawa wajib bagi Tuhan untuk mendatangkan yang baik, bahkan yang terbaik kepada manusia, yang diistilahkan sebagai *al-salah wa al-aslah*. Selain itu, persoalan lain yang dikaitkan dengan istilah itu adalah *lutf* atau rahmat Tuhan. Tuhan wajib menurunkan *lutf* bagi manusia.¹⁵ *Lutf* merujuk kepada

7 Al-Qur’an, surah al-Mu‘minun (23): 115.

8 Al-Qur’an, surah al-Dukhan (44): 38.

9 Nasir al-Din al-Tusi, *ibid*, h.330; Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.113-114; al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.135; al-Syahrastani, *al-Milal*, I, h.32; al-Samarqandi, *Syarh*, h.42; M.S.Seale, *Muslim Theology*, h.80.

10 Al-Qur’an, surah al-Zumar (39): 7.

11 Al-Iji, *al-Mawaqif*, h.328.

12 ‘Abd al-Jabbar, *Syarh al-Usul al-Khamsah*, al-Qahirah, 1965, h.331.

13 *Ibid*, h.313.

14 *Ibid*, h.313.

15 *Ibid*, h.518.

semua perkara yang akan membawa manusia kepada ketaatan dan yang akan menjauhkan manusia daripada maksiat. Dengan demikian, Tuhan wajib contohnya mengirinkan nabi atau rasul untuk memberikan petunjuk kepada manusia.¹⁶

Dengan kata-kata lain, Allah (s.w.t) Maha Kuasa dan dengan sifat kemahakuasaan-Nya Dia boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya tanpa ada sesuatu pun yang dapat menghalangi dirinya untuk berbuat demikian. Namun demikian, Allah (s.w.t) juga Maha Adil dan dengan sifat kemahadilannya Dia menetapkan Diri-Nya menggunakan sifat kemahakuasaan-Nya berdasarkan sifat kemahadilannya. Allah (s.w.t) telah menetapkan suatu sistem atau peraturan untuk diri-Nya sendiri. Justeru, walaupun Allah boleh berbuat apa sahaja, namun Dia tidak berbuat apa sahaja. Dia hanya melakukan perkara-perkara yang baik bersesuaian dengan *al-Asma' al-Husna*-Nya sendiri kepada Diri-Nya dan kepada makhluk-makhluk-Nya.

Di kalangan al-Asya'irah pula, mereka berpendapat Allah Maha Kuasa terhadap makhluk-Nya. Dia tidak mempunyai keburukan, kesalahan, kewajipan,¹⁷ dan tidak pula menghendaki keburukan secara mutlak.¹⁸ Allah tidak melakukan kesalahan atau perkara yang mustahil dan perbuatan-Nya pula tidak tertakluk kepada matlamat.¹⁹ Sekiranya semua manusia dimasukkan ke neraka, ia adalah adil begitu juga jika sebaliknya. Allah boleh menyiksa orang mu'min dan boleh memasukkan orang kafir ke dalam syurga.²⁰ Dalam konteks keburukan, Allah hanya menghendakinya sebagai perbuatan atau usaha (*kasb*) manusia yang berdosa. Tiada yang dapat memaksa-Nya menerima taubat seseorang.

Pendapat al-Asy'ari yang kemudian diikuti para pengikutnya daripada aliran al-Asya'irah mempunyai hubungan dengan penentangan mereka terhadap konsep keadilan Tuhan yang dipegang oleh al-Mu'tazilah. Ini kerana al-Asy'ari berpendapat Allah Maha Kuasa dan kekuasaan-Nya bersifat mutlak dan tidak ada sesuatupun yang wajib bagi-Nya. Tuhan berbuat mengikut kehendak-Nya sehingga sekiranya Dia memasukkan semua manusia ke dalam syurga bukanlah menunjukkan Dia bersifat tidak adil dan seandainya Dia memasukkan semua manusia ke dalam neraka, Dia bukanlah bersifat zalim.²¹

Al-Ghazali, salah seorang tokoh ulama al-Asya'irah yang utama turut berpendapat demikian. Beliau mengatakan, Tuhan tidak berkewajipan menjaga kemaslahatan (*al-salah wa al-aslah*) manusia, tidak wajib memberi upah atau ganjaran kepada manusia di atas perbuatan-perbuatan-Nya, bahkan Tuhan boleh memberikan beban yang tidak dapat dipikul kepada manusia.²² Tuhan berkuasa mutlak dan tidak akan bertentangan dengan sifat-sifat ketuhanan-Nya, sekiranya di atas kehendak-Nya, Dia menghancurkan makhluk-Nya atau memberikan ampun kepada semua orang kafir dan menghukum semua orang mu'min.²³

Dengan kata-kata lain, Allah (s.w.t) Maha Kuasa dan dengan sifat kemahakuasaan-Nya Dia boleh melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya tanpa ada sesuatu pun yang dapat menghalangi Dirinya untuk berbuat demikian. Walaupun Allah (s.w.t) Maha Adil Dia bebas dan Dia sama sekali tidak mengikat Dirinya mahupun terikat untuk mengikuti sesuatu

¹⁶ *Ibid*, h.563.

¹⁷ Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyf al-Murad*, h.330; al-Iji, *ibid*, h.331.

¹⁸ Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, h.104, 106.

¹⁹ Ibn Hazm, *al-Fisal*, II, h.185; al-Iji, *op.cit*, h.331; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.169.

²⁰ Al-Asy'ari, *al-Luma'*, h.62; A.S.Tritton, *ibid*, h.169.

²¹ Al-Syahrastani, *al-Milal*, I, h.101.

²² Al-Ghazali, *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, al-Qahirah, 1962, h.69-81.

²³ *Ibid*, h.67.

sistem atau peraturan tertentu untuk Diri-Nya sendiri. Dia bebas menggunakan sifat kemahakuasaan-Nya, dan Dia (s.w.t) tidak tertakluk kepada suatu sistem atau peraturan tertentu untuk diri-Nya. Justeru, Allah boleh berbuat apa sahaja, sememangnya Dia boleh berbuat apa sahaja.²⁴

Di kalangan al-Maturidiyyah pula, al-Maturidi dikatakan mempunyai pendapat yang sama dengan al-Asy'ari dalam persoalan *al-salah wa al-aslah*, tetapi beliau turut berpendapat bahawa Tuhan mempunyai kewajiban-kewajiban tertentu,²⁵ yang Dia sendiri tetapkan ke atas diri-Nya. Pendapat seperti ini lebih mendekati pemikiran al-Mu'tazilah berbanding kepada al-Asya'irah.

Secara perbandingan dari segi pendapat di antara kedua-dua aliran pemikiran tersebut, aliran al-Mu'tazilah secara khusus dan bahkan al-Maturidiyyah sendiri secara umumnya mempunyai pendapat yang kelihatan lebih mudah difahami dan diterima, kerana mereka mengatakan perbuatan Allah mempunyai masalah dan tujuan dan ia tidak dilakukan tanpa sebab dan musabab berbanding dengan al-Asya'irah yang lebih menekankan keadilan Allah dalam pengertian bahawa Dia bebas melakukan segala-galanya walaupun tanpa tujuan dan matlamat.

4. Konsep *Af'al Allah*: Analisis dalam Konteks Pemikiran Islam:

Dalam konteks perbincangan mengenai perbuatan Allah (s.w.t) yang berhubung dengan perbuatan manusia, ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

Pertama: Perbuatan yang diciptakan oleh Allah dan manusia diberikan kebebasan dan pilihan untuk melakukan atau meninggalkannya. Dengan kata-kata lain, ia bersifat metafora (*majazi*).

Kedua: Perbuatan Allah yang tidak diberikan kebebasan dan pilihan kepada manusia. Ia bersifat mutlak dan hakiki.²⁶

Al-Qur'an sebagai Kalam Allah memperlihatkan setiap perbuatan Allah (s.w.t) menunjukkan bahawa Dia melakukannya dengan tujuan dan hikmah.²⁷ Justeru itu, Allah sendiri menafikan perbuatan-Nya dilakukan tanpa tujuan dan hikmah seperti dinyatakan al-Qur'an dengan maksud:

“ Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara kedua-duanya dengan bermain-main.”²⁸

“ Maka apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main.”²⁹

²⁴ Kenyataan ini dinyatakan sedemikian rupa berdasarkan keterangan yang menyatakan bahawa al-Asy'ari mengikuti atau terpengaruh dengan pendapat Muhammad bin Husayn al-Najjar dari aliran al-Jabbariyyah yang berpendapat demikian. (Lihat: Wan Zailan Kamaruddin, “ Aliran al-Mujbirah dan kesan pemikirannya di Malaysia,” dlm. *Jurnal Usuluddin*, Bil.12, 1421, 2000, h.59-72.)

²⁵ *Syarh al-Fiqh al-Akbar*, Hyderabad, 1321, h.122.

²⁶ Al-Hilli, *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq*, Dar al-Kitab al-Lubnani, Beirut, 1403/1982, h.99.

²⁷ Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.114; Nasir al-Din al-Tusi, *Kasyf al-Murad*, h.331; al-Hilli, *al-Bab al-Hadi 'Ashar*, (Terj. William McElwee Miller), The Royal Asiatic Society, Great Britain & Ireland, London, Cet. II, 1378/1958, h.89.

²⁸ Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 16.

“ (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “ Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada siksa neraka.”³⁰

Tambahan pula, perbuatan sia-sia atau main-main merupakan suatu keburukan.³¹ Dikatakan bahawa tiada sesuatu³² termasuklah manusia³³ diciptakan Allah dengan sia-sia. Perbuatan Allah mempunyai sebab dan tujuan dengan matlamatnya kembali kepada kepentingan manusia itu sendiri ataupun kerana memenuhi syarat-syarat peraturan sesuatu yang wujud.

Matlamat penciptaan manusia itu bukanlah bertujuan untuk menyempurnakan Allah kerana Allah tidak memerlukan tujuan itu untuk menyempurnakan diri-Nya. Tujuan Allah pula dikatakan bukanlah mendatangkan kekurangan dan kerugian kepada manusia kerana kenyataan tersebut merupakan keburukan dan tidak menepati al-Qur'an, al-Hadith sahih dan rasionaliti itu sendiri.

Matlamat penciptaan itu sendiri juga dikatakan bertujuan untuk memenuhi syarat-syarat peraturan sesuatu yang wujud. Dengan kata-kata lain, Allah telah menetapkan segala sesuatu dari segi asal kejadiannya dengan sebab dan musabab dan syarat-syarat yang diperlukannya untuk dapat terus hidup di alam ini. Oleh kerana itu, tanggungjawab (*taklif*) yang ditetapkan oleh Allah ke atas manusia sewajarnya mengandungi kebaikan.³⁴

Justeru itu, kelihatan Allah hanya menghendaki kebaikan dan ketaatan manusia terhadap-Nya dan membenci keingkaran,³⁵ bahkan dalil-dalil al-Qur'an turut dengan jelas membuktikannya dengan maksud:

“ Semua itu kejahatannya amat dibenci di sisi Tuhanmu,”³⁶

“ dan apabila dia berpaling (dari mukamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerosakan padanya, dan merosakkan tanaman-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan.”³⁷

Dalam kebanyakan sumber juga menjelaskan bahawa perbuatan Allah (*af'al Allah*) menjadi pengukur keadilan dan bukannya (apa yang dikatakan sebagai) keadilan menjadi pengukur perbuatan Allah. Dengan kata-kata lain, setiap yang dilakukan oleh Allah (s.w.t)

²⁹ Al-Qur'an, surah al-Mu'minun (23): 115. Lihat dalil-dalil lain: al-Dharyat (51): 56; al-Dukhan (44): 38; al-Hilli, *op.cit.*, h.89-93.

³⁰ Al-Qur'an, surah Ali 'Imran (3): 192.

³¹ Al-Hilli, *al-Bab al-Hadi 'Asyar*, h.45.

³² Ibn Maytham, Kamal al-Din Maytham ibn 'Ali ibn Maytham al-Bahrani, *Syarh Nahj al-Balaghah*, (Tahqiq: Yusuf 'Ali Mansur), Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, Cet.I, 1412/1992, II, h.618.

³³ Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, V, h.145; IX, h.170; Ibn Maytham al-Bahrani, *ibid*, II, h.69.

³⁴ Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.114; al-Hurr al-'Amili, Muhammad bin al-Hasan, *al-Fusul al-Muhimmah Fi Usul al-'Immah 'Alayhim al-Salam*, al-Maktabah wa al-Matba'ah al-Haydariyyah, al-Najaf, Cet.II, 1378/1958, h.99; al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.89.

³⁵ Al-Hilli, *ibid*, h.94.

³⁶ Al-Qur'an, surah al-Isra' (17): 38. Lihat juga: Surah al-Mu'minun (23): 30; al-Zumar (39): 7.

³⁷ Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 205.

adalah adil dan bukannya setiap yang dikatakan adil wajib dilakukan oleh-Nya. Di samping itu, keadilan Allah juga menghendaki perselisihan dan perbezaan tidak akan wujud dan tidak akan berlaku di antara sesama makhluk kerana masing-masing diberikan hak yang sepatut dan sewajarnya mereka miliki.³⁸ Kenyataan ini juga bersesuaian dengan salah satu takrifan atau definisi lain bagi perkataan “adil” dan keadilan iaitu memberikan sesuatu akan haknya dan mengambil sesuatu yang diberikan kepadanya.³⁹

Selanjutnya dijelaskan Allah Maha Adil adalah pencipta kebaikan dan bukannya keburukan. Oleh itu, dalam alam ini, tidak wujud kejahatan dan keburukan secara mutlak.⁴⁰ Kejahatan dan keburukan adalah bersifat relatif kerana ia dihasilkan daripada perbuatan manusia dan bukannya perbuatan Allah.⁴¹ Salah satu daripada keburukan dan kejahatan itu adalah kezaliman (*al-zulm*). Dengan demikian, kezaliman dan penganiayaan bukanlah sama sekali bersumber daripada Allah.⁴² Allah sebagai pencipta kebaikan tidak pernah sekali-kali menetapkan keburukan dan keingkaran kepada manusia. Ini kerana ia merupakan suatu keburukan sekiranya Allah memberikan balasan buruk kerana Allah sendiri menafikannya bersifat demikian dalam ayat al-Qur’an yang bermaksud:

“ Dan Allah menghukum dengan keadilan.”⁴³

Allah memberitahu bahawa segala ciptaan-Nya adalah baik kecuali keburukan. Ini kerana sekiranya keburukan daripada-Nya, tentulah Dia tidak menetapkan kebaikan dalam semua ciptaan-Nya seperti dijelaskan dalam al-Qur’an yang bermaksud:

“ Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang (*al-tafawut*).”⁴⁴

Allah menafikan ketidakseimbangan dalam ciptaan-Nya kerana ia merujuk kepada keburukan. Keburukan pula adalah suatu kezaliman (dalam pengertian meletakkan sesuatu tidak kena pada tempatnya), dan kenyataan tersebut telah dinafikan oleh Allah sama sekali.⁴⁵

³⁸ Al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.85. Lihat juga: Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.21.

³⁹ Muhammad ‘Abduh, *Syarh Nahj al-Balaghah*, h.728; al-Syarif al-Radi, *Nahj al-Balaghah*, (Hikam no.231), h.509; Ibn Abi al-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, XIX, h.58; al-Amudi, *Ghurur al-Hikam*, h.46; al-Tusi, *al-Tibyan*, VI, h.418; al-Tabarsi, *Majma’ al-Bayan*, VI, h.280.

⁴⁰ Dastaghib, *al-Tawhid wa al-‘Adl*, (Bhg.II), h.15; al-Hilli, *ibid*, h.85.

⁴¹ Untuk pendetailan persoalan yang berkaitan, sila lihat nota kaki no.24 dan rujukan serta keterangan yang panjang lebar dalam artikel berkaitan. Kepercayaan bahawa keburukan dan kezaliman juga ditentukan secara mutlak oleh Allah (s.w.t) mempunyai persamaan dengan pemikiran mazhab al-Jabariyyah al-khalisah (al-Jabariyyah tulen).

⁴² Ibn Hazm dikatakan turut berpendapat kezaliman tidak berlaku kepada Allah. Lihat: Ibn Hazm, *al-Fisal*, III, h.2; A.S.Tritton, *Muslim Theology*, h.197. (Dikatakan al-Hasan al-Basri (m.87H) yang disenaraikan dalam kategori *al-Qadariyyah al-Mutawassitah* merupakan salah seorang tokoh Islam yang terkenal turut mengakui hanya kebaikan daripada Allah manakala maksiat dan keburukan daripada manusia. Lihat: Al-Ghurabi, ‘Ali Mustafa, (Dr.), *Tarikh al-Firqah al-Islamiyyah wa Nasy’ah ‘Ilm al-Kalam ‘Ind al-Muslimin*, Misr, t.t., h.45; Ibn al-Murtada, *al-Munyah wa al-Amal*, h.26; Husayn ‘Utwan, *al-Firqah al-Islamiyyah*, h.41; al-Waqidi, *al-Bad’ wa al-Tarikh*, VI, h.17.)

⁴³ Al-Qur’an, surah Ghafir (40): 20. Lihat: Al-Karajaki, Abi al-Fath al-Syaikh Muhammad bin ‘Ali bin ‘Uthman al-Karajaki al-Tarabulusi, *Kanz al-Fawa’id*, (Tahqiq: al-‘Allamah al-Syaikh ‘Abd-Allah Ni’amah), Dar al-Adwa’, Beirut, 1405/1985, I, h.362.

⁴⁴ Al-Qur’an, surah al-Mulk (67): 3.

⁴⁵ Manusia tidak akan dapat melihat ketidakseimbangan itu kecuali sekiranya mereka mengikuti Allah (s.w.t) sepenuhnya. Apa yang dikatakan sebagai keseimbangan dari perspektif manusia belum tentu seimbang kerana manusia yang tidak *ma’sum* terpengaruh dengan pelbagai kelemahan dan kekurangan melainkan beberapa orang yang Allah (s.w.t) pilih terdiri daripada nabi dan rasul yang *ma’sum*.

Perbuatan Allah dikatakan tidak boleh disamakan dengan perbuatan manusia. Ini kerana ketidakseimbangan, percanggahan, kezaliman, pendustaan, keingkaran dan seumpamanya terkandung di dalamnya⁴⁶ sedangkan ciri-ciri tersebut tidak menepati sifat-sifat Allah yang Maha Kuasa, Maha Mengetahui dan Maha Adil.

Al-Qur'an dalam beberapa buah ayat menerangkannya dengan maksud:

“ Yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?”⁴⁷

“ Seseorang pun tidak mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka iaitu (bermacam-macam ni'mat) yang menyedapkan pandangan mata sebagai balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.”⁴⁸

“ Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara kedua-duanya melainkan dengan benar.”⁴⁹

Justeru itu, Allah (s.w.t) tidak mungkin dikatakan sebagai Pencipta perbuatan manusia. Oleh yang demikian, dijelaskan bahawa Allah selaku Pencipta kebaikan pasti tidak akan memerintahkan manusia melakukan kejahatan dan keburukan. Bagi orang-orang yang mendakwa Allah menyuruh melakukan kejahatan dan keburukan, Nabi (s.‘a.w) dikatakan menganggap mereka telah melakukan pendustaan terhadap Allah.⁵⁰

Di antara hujah-hujah yang menafikan Allah menghendaki keburukan dan kemaksiatan adalah kerana Dia menegah perbuatan buruk tersebut dan setiap tegahan bererti membencinya. Dikatakan bahawa adalah mustahil bagi-Nya menjadi orang yang berkehendak (*murid*) dan membenci (*karih*) pada masa dan dalam perkara yang sama.⁵¹

Tambahan pula, perbuatan menghendaki keburukan hanya memperlihatkannya sebagai sifat kekurangan (*naqs*) dan kecelaan (*dhamm*) kerana menghendaki keburukan sewajarnya disertai dengan kehendak (*iradah*). Sekiranya Allah berkehendak (*murid*) dengan kehendak (*iradah*), sudah tentu Allah menjadi pelaku (*fa'il*) keburukan sedangkan *iradah* kepada keburukan adalah buruk.⁵² Dengan kata-kata lain, Allah *Murid* dan *Qadir* (Maha Berkehendak dan Berkuasa) dengan berasaskan sifat 'Adl-Nya (adil). Allah (s.w.t) tidak berkehendak dan berkuasa apa sahaja termasuklah keburukan dan kezaliman. Dia tidak pernah sama sekali menyalahgunakan sifat kemahakuasaan-Nya kerana kenyataan tersebut mendekati kezaliman. Oleh sebab itu, Allah menerusi al-Qur'an mengklasifikasikan perbuatan zalim sebagai keburukan.

⁴⁶ Al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.107. Lihat: Al-Qur'an, al-Nisa' (4): 40; Fussilat (41): 46; Hud (11): 101; Ghafir (al-Mu'min) (40): 17; al-Isra' (17): 71.

⁴⁷ Al-Qur'an, surah al-Mulk (67): 3.

⁴⁸ Al-Qur'an, surah al-Sajdah (32): 17. (Ayat ini memperlihatkan adanya tujuan dan matlamat tertentu dalam penyembunyian pelbagai nikmat sebagai balasan kepada manusia).

⁴⁹ Al-Qur'an, surah al-Hijr (15): 85.

⁵⁰ Al-Saduq, Abu Ja'far Muhammad bin 'Ali bin al-Husayn bin Musa bin Babawayh al-Qummi, *al-Tawhid*, (Tashih: Al-Sayyid Hasyim al-Husayni al-Tihrani), Maktabah al-Saduq, Tehran, 1387/1967, h.359.

⁵¹ Al-Karajaki, *Kanz al-Fawa'id*, I, h.113; al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.94.

⁵² Al-Hilli, *ibid*, h.95.

Pertama: “ Dan Allah tidak menghendaki berbuat kezaliman terhadap hamba-hamba-Nya.”⁵³

Kedua: “ dan tiadalah Allah berkehendak untuk menganiaya hamba-hambanya.”⁵⁴

Ketiga: “ Semua itu kejahatannya amat dibenci di sisi Tuhanmu.”⁵⁵

Keempat: “ Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”⁵⁶

Diterangkan bahawa secara umumnya kufur (*al-kufr*) diketahui adalah sebesar-besar keburukan atau kesusahan (*al-‘usr*) berdasarkan keterangan al-Qur’an yang bermaksud:

“Jika kamu kafir maka sesungguhnya Allah tidak memerlukan (iman)mu dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-Nya.”⁵⁷

Oleh itu, apabila Allah menciptakan manusia bertujuan dan bermatlamat untuk menyembah-Nya, Dia tidak menghendaki selain daripada penyembahan terhadap diri-Nya dan Dia juga tidak menciptakan manusia tanpa tujuan, matlamat atau secara main-main seperti difirmankan-Nya yang bermaksud:

“ Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.”⁵⁸

Dalam keterangan seterusnya dikatakan bahawa walaupun Allah memerintahkan manusia supaya melakukan kebaikan dan menegah keburukan, namun kedua-duanya adalah dalam kehendak (*masyi’ah*) dan kekuasaan (*sultan*) Allah kerana perbuatan menafikan keburukan daripada kehendak-Nya adalah sama seperti mengeluarkan Allah daripada kekuasaan-Nya.

Begitu juga sebaliknya, Allah (s.w.t) dikatakan tidak menyuruh melakukan maksiat tetapi menafikan maksiat sebagai bukan daripada kehendak Allah bererti mendustai Allah dan melayakkan seseorang menghuni neraka.⁵⁹ Sekiranya maksiat yang dilakukan manusia dengan kehendak dan kebebasannya itu bukanlah dengan kehendak Allah, ia menunjukkan seolah-olah manusia itu lebih berkuasa daripada Allah (s.w.t) kerana dia terlepas daripada kekuasaan Allah. Sekiranya keterangan itu diterima, bererti Allah adalah Tuhan yang lemah. Kalau Tuhan itu lemah, maka banyak persoalan lain akan boleh dikemukakan. Rasional di sebalik kebaikan dan keburukan yang Allah ciptakan itu ditegaskan Allah sendiri dalam maksud ayat berikut:

⁵³ Al-Qur’an, surah Ghafir (40): 31.

⁵⁴ Al-Qur’an, surah Ali ‘Imran (3): 108.

⁵⁵ Al-Qur’an, surah al-Isra’ (17): 38.

⁵⁶ Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 185.

⁵⁷ Al-Qur’an, surah al-Zumar (39): 7.

⁵⁸ Al-Qur’an, surah al-Dhariyat (51): 56.

⁵⁹ Al-Hurr al-‘Amili, *al-Fusul al-Muhimmah*, h.70; al-Saduq, *al-Tawhid*, h.359.

“ Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya).”⁶⁰

Berhubung dengan perbuatan Allah yang dilakukan-Nya sendiri secara mutlak dan hakiki, dan tidak diberikan kebebasan dan pilihan kepada manusia, diterangkan bahawa Allah (s.w.t) tidak memuji ataupun mencela, tidak memberikan balasan baik mahupun buruk ke atas manusia. Contohnya, Allah menjadikan seseorang itu berkulit putih atau hitam, tinggi atau rendah, buta, bisu, pekak dan lain-lain bukanlah di atas kehendak dan pilihan manusia sendiri. Mereka juga tidak boleh campurtangan dalam urusan dan ketetapan Allah tersebut.⁶¹

Pada hakikatnya, kenyataan ini merujuk kepada perbuatan Allah yang sepenuhnya ditentukan dan ditetapkan oleh Allah (s.w.t) sendiri tanpa sebarang campurtangan, pilihan dan kebebasan manusia. Manusia hanya dikehendaki menerima sesuatu yang ditetapkan untuknya tanpa kebolehan untuk membuat pilihan.

5. Pengaruh dan Implikasinya kepada Pemikiran Umat Islam di Malaysia:

Persoalan *af'al Allah* merupakan salah satu isu yang memperlihatkan perbezaan pendapat dan pandangan tokoh dan mazhab dalam Islam. Oleh kerana, secara tradisionalnya, Islam biasanya difahami dalam konteks aliran pemikiran yang menguasai pemikiran umat Islam secara keseluruhan, kemungkinan pertentangan di antara sesama mereka tetap wujud. Aliran yang mendominasi pemikiran umat Islam akan menjadi faktor penentu sama ada sesuatu pendapat atau pandangan tertentu itu boleh diterima atau ditolak.

Oleh kerana al-Asy'ari pada mulanya seorang al-Mu'tazilah, dapatlah diandaikan bahawa beliau telah menganuti pemikiran al-Mu'tazilah termasuklah dalam persoalan *af'al Allah* selama hampir 40 tahun sebelum bertukar fikiran dan pendapat yang akhirnya membawa kewujudan aliran al-Asy'ariyyah, yang terdiri daripada para pengikutnya. Aliran al-Asy'ariyyah pula merupakan salah satu daripada dua aliran yang terdapat dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah selain daripada al-Maturidiyyah. Sehubungan dengan persoalan proses peraliran dan perpindahan pemikiran al-Asy'ari keluar daripada Mu'tazilah ini, pendapat dan komentar oleh beberapa orang sarjana dan pemikir Islam seperti Ahmad Mahmud Subhi, Hammudah Ghurabah, MacDonald, Spitta termasuklah Prof. Harun Nasution sendiri yang menghuraikannya secara panjang lebar wajar diperhatikan. Di sini dikemukakan secara ringkas petikan pendapat beliau tersebut:

“ Apakah tidak mungkin bahawa al-Asy'ari meninggalkan faham Mu'tazilah kerana melihat bahawa aliran Mu'tazilah tidak dapat diterima oleh umumnya umat Islam yang bersifat sederhana dalam pemikiran-pemikiran? Dan pada waktu itu tidak ada aliran teologi lain yang teratur sebagai gantinya untuk menjadi pegangan mereka. Dengan lain kata, tidakkah mungkin bahawa al-Asy'ari melihat bahayanya bagi umat Islam kalau mereka ditinggalkan tidak mempunyai pegangan teologi yang teratur.”⁶²

Di Alam Melayu, Islam yang dibawa dan dianuti orang-orang Melayu-Muslim adalah Islam bercorak Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang merujuk kepada aliran al-Asy'ariyyah

⁶⁰ Al-Qur'an, surah al-Anbiya' (21): 35.

⁶¹ Al-Hilli, *Nahj al-Haq*, h.98-99.

⁶² Lihat keterangan lanjut: Harun Nasution, *Teologi Islam: Aliran-aliran sejarah Analisa Perbandingan*, Penerbit Universitas Indonesia, 1986, h.67-68.

dari segi akidah dan aliran al-Syafi'iyah dari segi syariah.⁶³ Aliran al-Salafiyyah⁶⁴ yang juga dirujuk sebagai sebahagian daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah turut diterima dan diamalkan⁶⁵ seperti yang berlaku di Perlis.

Dr. Mohd Nor Ngah menjelaskan dapatan hasil kajiannya mengenai kitab Jawi yang menjadi sumber dan dasar pemikiran Islam di Alam Melayu seperti berikut: "With reference to theology, *Kitab Jawi* explain the Sunni doctrine. When discussing Fiqh, the *Kitab Jawi* expound the Shafi'i school of thought."⁶⁶

Sebaliknya, al-Mu'tazilah atau dengan kata-kata lain, al-Qadariyyah dan juga aliran-aliran rasionalis lain yang bersependapat dengan mereka dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia dianggap sebagai bukan sebahagian daripada umat Islam seperti yang dapat dilihat dalam kenyataan berikut: "*Kitab Jawi* consider the Mu'tazilites (or al-Qadarites) heretics and the curse of Allah is on them."⁶⁷ Justeru, segala bentuk dan hasil pemikiran mereka sangat sukar untuk diterima dan dibenarkan. Walaupun, kelihatan dalam konteks perkembangan pemikiran Islam masa kini, khususnya di Asia Tenggara ataupun secara tegasnya di Alam Melayu, aliran ini dikatakan telah muncul kembali dengan nama neo-Mu'tazilah⁶⁸ dan mempunyai para pengikut yang agak ramai termasuk juga orang-orang yang bersimpati terhadap mereka termasuklah di Malaysia sendiri.

Dalam konteks ini, Prof. Harun Nasution turut memberikan komentar dan mengemukakan alasan yang menyebabkan golongan intelektual muda Islam di Indonesia lebih cenderung dan tertarik untuk membaca buku-buku yang ditulis oleh golongan rasionalis sama ada neo-Mu'tazilah atau neo-Qadariyyah berbanding dengan golongan konservatif dan tradisional (al-Asy'ariyyah), dengan kata-katanya: "Tulisan-tulisan para pengarang al-Asy'ariyyah pada umumnya bercorak tradisional deskriptif dan jarang bercorak analisis rasional, apalagi filosofis."⁶⁹ Pendapat beliau sebenarnya boleh diaplikasikan dalam konteks negara Malaysia juga kerana Indonesia dan Malaysia dikuasai bentuk pemikiran, pengaruh dan kesan yang besar dan mendalam daripada tokoh-tokoh dalam aliran pemikiran atau mazhab yang sama.

Dengan kata-kata lain, golongan rasionalis cuba mencari dan memberikan jawapan dan keterangan yang dapat memuaskan pemikiran dan perasaan para peminatnya berbanding dengan golongan konservatif yang mengemukakan keterangan lebih bersifat perulangan kepada persoalan-persoalan yang telah sedia dikemukakan dan berbentuk penceritaan serta umum semata-mata. Ini secara langsung mahupun tidak langsung memperlihatkan bahawa kedua-dua aliran pemikiran yang berbeza dan disokong oleh kelompok manusia yang juga

⁶³ Ahmad Hidayat Buang, "Kebebasan Memberi Pandangan Dalam Isu-isu Agama Islam: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Jabatan Mufti Negeri-negeri di Malaysia," kertas kerja di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan (1), 11/1/2003 di Akademi Pengajian Islam.

⁶⁴ Untuk keterangan mengenainya, sila lihat: Zakaria@Mahmood bin Daud, "Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah wal-Jama'ah di Perlis," (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1997, h.399.

⁶⁵ Lihat: Wan Zailan Kamaruddin Ali, "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu," dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, Bil.22, 1994, h.84-106.

⁶⁶ Mohd Nor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, ISEAS, 1983, h.3.

⁶⁷ *Ibid*, h.19.

⁶⁸ Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat: Richard C.Martin, Mark R.Woodward, Dwi S.Atmaja, *Defenders of Reason in Islam: Mu'tazilism From Medieval School to Modern Symbol*, Oneworld Publications, Oxford, 1997; _____, *Post Mu'tazilah: Geneologi Konflik Rasionalisme dan Tradisionalisme Islam*, (terj.) Jakarta, Cet.I, 2002.

⁶⁹ Harun Nasution, Prof., *Islam Rasional*, Jakarta, 2002, h.376.

mempunyai pendirian yang berbeza akan mencetuskan polemik pemikiran yang berbeza dan akan berpanjangan.

Pemikiran mazhab beraliran tradisional atau ortodoks tersebut meninggalkan kesan yang mendalam kepada umat Islam di Malaysia. Kesan negatifnya dapat dirasai khususnya di kalangan orang-orang Melayu - Islam sehingga kini dan keadaannya semakin terkesan dari masa ke masa. Budaya Melayu – Islam yang diresapi pemikiran seperti ini turut mendapat kritikan dan komentar para pemikir dan sarjana Melayu – Islam tempatan, contohnya Zainal Abidin bin Ahmad atau Za‘ba sendiri⁷⁰ dalam perbincangannya mengenai falsafah takdir. Beliau sendiri pernah dikecam hebat oleh para ulama beraliran tradisional tempatan kerana pemikiran dan pendapatnya yang agak berlainan bahkan sehingga sampai ke peringkat mengkafirkannya.

Secara ringkasnya, kesan-kesan yang dapat dilihat dan dirasai sehingga kini adalah besar dan banyak, dan untuk meringkaskannya berikut adalah di antaranya:

Pertama: Sistem kepercayaan tersebut melahirkan sikap dan sifat ragu-ragu dan was-was dalam diri kerana terdapat banyak kemungkinan yang boleh berlaku di luar dugaan dan jangkaan. Kepercayaan dan keyakinan seperti ini tidak dapat memantapkan akidah umat Islam terutama dalam era cabaran akidah dan pemikiran dari dalam Islam menerusi ajaran sesat dan juga luar Islam menerusi golongan musyrik dan munafiq yang melihat adanya peluang bagi mereka memasukkan ide dan pemikiran yang songsang.

Kedua: Ia memberikan ruang dan peluang kepada para pelaku keburukan untuk terus mengelumang dengan dosa dan maksiat secara berterusan dengan harapan mereka akan sempat bertaubat dan dosa-dosa yang dilakukan akan diampuni Allah (s.w.t) dan akan ditempatkan bersama-sama para nabi, rasul, syuhada dan salihin.

Ketiga: Ia turut menyediakan ruang dan peluang untuk bertoleransi dengan kezaliman dan keburukan. Sikap tidak apa dan memandang remeh terhadap keburukan dapat wujud dalam keadaan seperti ini.

Keempat: Melunturkan semangat para pelaku kebaikan untuk terus melakukan kebaikan kepada diri, masyarakat dan negara. Ini kerana perlakuan buruk lebih mudah dilakukan berbanding perlakuan baik. Al-Qur’an sendiri memperlihatkan bahawa majoriti lebih mudah terdorong ke arah aspek-aspek yang negatif berbanding positif.

6. Kesimpulan:

Persoalan *af'al Allah* merupakan salah satu persoalan penting yang berkaitan dengan aspek ketuhanan. Ia merupakan persoalan yang sering dijadikan topik perbincangan di kalangan golongan rasionalis khususnya ketika membicarakan persoalan *al-'adl al-Ilahi*. Sebaliknya, persoalan ini kurang mendapat tempat dan tidak begitu diberikan perhatian oleh golongan tradisionalis yang merupakan majoriti umat Islam masa kini, khususnya di Malaysia. Bagaimanapun, persoalan ini berkaitan dengan persoalan yang sentiasa mencabar pemikiran dan kehidupan manusia setiap hari, apatah lagi, ia boleh dikaitkan dengan konsep *al-Qada' wa al-Qadr* ataupun *al-Jabr wa al-Tafwid*. Pemahaman secara tidak meluas dan mendalam memungkinkan ia menimbulkan lebih banyak kekusutan pemikiran berbanding dengan penyelesaian masalah.

70 Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat: Wan Zailan Kamaruddin, “ Pemikiran Za‘ba mengenai Islam ” dalam *100 Tahun Za‘ba – Za‘ba Pejuang Bangsa*, (ed. Wan Abdul Kadir), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1996, h.285-308.

Justeru perubahan atau anjakan paradigma pemikiran umat Islam tradisional Malaysia perlu dilakukan dalam konteks negara berhadapan dengan era dunia tanpa sempadan dan globalisasi yang menuntut pertembungan pemikiran dan keterbukaan berfikir. Umat Islam di Malaysia dan di dunia Islam perlu membuka minda mereka untuk bersedia bertoleransi dan berasimilasi dalam era dunia masa kini. Ketidaksediaan untuk berbeza pendapat dengan cara yang wajar hanya akan mengundang masalah dan menggugat kredibiliti mereka sendiri.